



TEKS UCAPAN
YAB DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN BIN MD ALI
KETUA MENTERI MELAKA
SEMPENA
MAJLIS PERASMIAN PAKEJ PIT-STOP
MELAKA RIVER CRUISE
ANJURAN PERBADANAN PEMBANGUNAN
SUNGAI DAN PANTAI MELAKA (PPSPM)
TARIKH: 23 OKTOBER 2021 (SABTU), MASA: 9.30 PAGI
DI JETI TAMAN REMPAH.
(WAKIL: YB. DATUK MUHAMMAD JAILANI BIN KHAMIS)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ أَمَّا بَعْدُ

Lafaz selawat kepada Rasul Junjungan, Nabi Muhammad SAW, yang menjadi ikutan, dan suri tauladan sepanjang zaman.

Allahuma Solli 'Ala Sayyidina Muhammad Wa'ala A-li Sayyidina Muhammad.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh, Salam Sejahtera, dan Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia, Menggamit Dunia.

Yang Berhormat Dato' TS. Kamel Bin Mohamad,
Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka;

Yang Berbahagia, Datuk TPr. Haji Murad Bin Husin,
Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan
Sungai Dan Pantai Melaka (PPSPM);

Yang Berusaha Encik Yeow Chin Chai,
Pengarah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya
Malaysia, Negeri Melaka (MOTAC);

Yang Berusaha Encik Sa'ari bin Basiron,
Pengurus Besar Bahagian Promosi Pelancongan Negeri
Melaka (Tourism Melaka);

Yang Berusaha Barisan Ahli Lembaga Pengarah dan
Warga Kerja Perbadanan Pembangunan Sungai dan
Pantai Melaka;

Ketua-ketua Jabatan, Agensi Negeri dan Persekutuan,
Pengerusi Persatuan (NGO);

Dif-dif Jemputan, Rakan-rakan Media;

Seterusnya Tuan-tuan dan puan-puan yang saya kasihi
sekalian;

MUKADIMAH

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya kita dapat bersama-sama hadir dan berkumpul pada **Majlis Perasmian Pakej Pit-Stop dan Asahan Coffee Kiosk di Melaka River Cruise** anjuran **Perbadanan Pembangunan Sungai dan Pantai Melaka (PPSPM)**.
2. Di kesempatan ini, bagi pihak YAB Datuk Seri Utama Haji Sulaiman bin Md Ali, Ketua Menteri Melaka, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada pihak penganjur kerana berjaya mengelolakan majlis ini

dengan jayanya. Saya juga ingin menyampaikan salam takzim daripada YAB Ketua Menteri Melaka, kerana tidak dapat bersama di majlis ini disebabkan ketentuan lain yang telah diatur terlebih dahulu. Walau bagaimanapun, YAB Ketua Menteri mendoakan agar majlis ini berjalan lancar.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

3. Syukur Alhamdulillah, pada 18 Oktober 2021 yang lepas, Negeri Melaka telah pun beralih ke Fasa 4 Pelan Pemulihan Negara (PPN) dan kita juga telah menerima kunjungan para pelancong dari luar negeri

Melaka. Insya-Allah, dengan kemasukan ramai pelancong, secara tidak langsung sektor ekonomi pelancongan kita akan mula diperhebat dan diperkasa kembali.

4. Sebagaimana kita semua sedia maklum, Melaka merupakan negeri pelancongan, di mana sumber ekonomi utama kita adalah dari sektor pelancongan. Sehubungan dengan itu, secara peribadinya, saya sangat bersyukur apabila kerajaan telah membenarkan kembali aktiviti merentas negeri dan semua sektor ekonomi juga telah mula beroperasi

dengan pematuhan ketat Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan.

5. Difahamkan dari **1 Oktober 2021** sehingga **17 Oktober 2021**, negeri Melaka telah menerima kehadiran pelancong domestik seramai **64,408** pelancong dari dalam dan luar negeri Melaka. Ini membuktikan Melaka merupakan destinasi pilihan utama untuk pelancong dalam tempoh **14 hari** di bawah program '**Melakan Visit Melaka**' dan **3 hari** setelah pintu rentas negeri dibuka sudah ramai berpusu-pusu berkunjung ke Melaka.

6. Bukan itu sahaja, jumlah kutipan jualan tiket dari lapan tempat tarikan produk utama di negeri Melaka, iaitu tiga di Muzium, *Melaka River Cruise*, Menara Taming Sari, Zoo Melaka, *A'Famosa Water Theme Park* dan *Safari Wonderland* ialah sebanyak **Ringgit Malaysia Satu Juta Tujuh Ratus Ribu Lapan Puluh Sembilan Dua Ratus Tiga Puluh satu (RM 1,789,231.00)**. Ini telah membuktikan sambutan ketibaan pelancong ke Negeri Melaka ketika pelancaran sempena kebenaran merentas negeri bermula pada 14 Oktober 2021 yang lepas di Tol Ayer Keroh telah berjaya dicapai.

7. Tidak dinafikan, di negeri Melaka ini terdapat pelbagai pusat tarikan pelancongan yang bukan sahaja menggamit para pelancong malah menggamit seantero dunia. Oleh yang demikian, *Melaka River Cruise* adalah salah satu produk pelancongan yang dikenali oleh pengunjung-pengunjung dalam negara mahupun luar negara. *Melaka River Cruise* telah mencatat kedatangan pelancong seramai **18,000** pengunjung pada kiraan 17 hari beroperasi. Ini telah membuktikan *Melaka River Cruise* merupakan ikon pelancongan popular di Melaka dan diminati ramai. Justeru itu, pihak pengurusan Perbadanan Pembangunan Sungai Dan Pantai Melaka (PPSPM)

mengambil inisiatif untuk mewujudkan Pakej Pit-Stop ini sebagai kemudahan pengunjung atau pengguna untuk bergerak dari satu destinasi ke satu destinasi yang seterusnya.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

8. Pelancaran Pakej Pit-Stop ini merupakan salah satu pendekatan dari pihak pengurusan PPSPM untuk memastikan pengunjung yang datang ke sini dapat menikmati keindahan dan perkhidmatan *Melaka River Cruise*, membeli pelbagai pilihan produk cenderahati tempatan, pakaian, makanan dan

minuman yang ditawarkan di sini dengan harga yang istimewa. Manakala, Kiosk Asahan Coffee pula telah diwujudkan dan ini adalah produk terbaharu selepas pembukaan operasi *Melaka River Cruise* baru-baru ini untuk memberi peluang kepada pengusaha-pengusaha tempatan menjana pendapatan dan seterusnya meningkatkan ekonomi mereka.

9. Untuk makluman semua, apa yang lebih menarik di sekitar *Melaka River Cruise*, selain daripada beriadah, membeli belah dan menjamu selera, pengunjung juga akan dihiburkan oleh persembahan mingguan iaitu Persembahan Kebudayaan dari Briged Seni Melaka

(BPP) dan juga dari Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri Melaka (JKKN).

10. Pakej Pit-Stop ini juga merupakan produk yang akan membantu pelancong yang menggunakan perkhidmatan *Melaka River Cruise* untuk seharian dengan kadar harga yang berpatutan. Bagi pemegang kad pengenalan Malaysia, sebanyak RM40 dikenakan kepada dewasa, RM25 kanak-kanak, RM30 warga emas dan pelajar. Manakala bukan pemegang kad pengenalan Malaysia pula, caj bayaran yang dikenakan ialah RM50 untuk dewasa dan RM40 bagi kanak-kanak. Pakej Pit-Stop ini hanya sah

digunakan dalam tempoh waktu sehari (*daily pass*) dari tarikh pembelian.

11. Laginya, sempena Majlis Perasmian Pakej Pit-Stop pada hari ini, PPSPM menawarkan diskaun **30%** kepada **50** pengunjung terawal, terbuka kepada seluruh warganegara Malaysia dan ia terhad kepada pengunjung '**walk in**' sahaja. Saya difahamkan promosi ini sah bermula hari ini, **23 Oktober sehingga esok 24 Oktober 2021.**

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

12. Saya yakin dan percaya, perkembangan pesat sektor pelancongan ini akan membawa limpahan manfaat bukan saja kepada pengusaha hotel dan produk pelancongan, bahkan kepada penarik-penarik beca, penjual kraf tangan, pemandu teksi, pengusaha restoran ataupun peniaga warung, semuanya menerima pulangan lumayan hasil daripada usaha yang dijalankan oleh kerajaan negeri. Sesungguhnya, ini merupakan usaha pihak kerajaan untuk berkongsi dengan rakyat kemakmuran ekonomi yang diperolehi.

13. Akhir kata, saya memohon kerjasama dan sokongan berterusan daripada semua lapisan masyarakat agar bersama-sama dengan pihak kerajaan menjayakan misi **Tahun Melawat Malaysia 2021**. Marilah kita menerapkan nilai ***think tourism and act tourism*** ke arah menggiatkan usaha mempromosi Melaka sebagai destinasi pelancongan utama negara.

14. Dengan lafaz suci ‘Bismillahirrahmannirrahim’, saya merasmikan **Pakej Pit-Stop Melaka River Cruise, Perbadanan Pembangunan Sungai Dan Pantai Melaka (PPSPM) dan Asahan Coffee Kiosk** pada hari ini.

Sekian,

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ
وَبَرَكَاتُهُ

-TAMAT-